

# Timbalan PM akan disambut besar-besaran di Pahang

KUANTAN, Jumaat. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam akan diberi sambutan secara besar-besaran apabila beliau tiba di lapangan terbang di sini 20 Januari ini untuk lawatan rasmi selama dua hari ke Pahang.

Dijangka kira-kira 10,000 orang termasuk orang-orang kenamaan, pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli UMNO dan lain-lain dalam Barisan Nasional akan membanjiri lapangan terbang itu bagi menyambut Datuk Musa yang dijadualkan tiba jam 3 petang.

Pada hari pertama, Datuk Musa akan melawat kampung nelayan Tanjung Lumpur dekat sini untuk melihat dan bertemu penduduk di situ bagi meneliti keadaan hidup mereka.

## Buruk

Rumah-rumah di Tanjung Lumpur kebanyakannya buruk. Dalam musim tengkujuh, sebulan lalu, enam buah rumah di situ roboh akibat dilanda ribut dan air pasang.

Pada sebelah malamnya Datuk Musa akan diraikan dalam satu majlis jamuan makan malam.

Sebelah pagi 21 Januari, Timbalan Perdana Menteri akan mendengar taklimat mengenai pembangunan negeri di bilik gerakan negeri di sini. Beliau dijadualkan melawat kawasan rancangan FELDA di Jengka pada sebelah petang dan sebelah malamnya menghadiri satu jamuan makan.

Datuk Musa dijangka melawat kawasan Pelabuhan Kuantan, Balok, Syarikat Pandan Dradging dan menunaikan fardu Jumaat di sini sebelum kembali ke Kuala Lumpur pada 22 Januari.